

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JUNE 2016

Desakan henti bantu Yayasan Kepimpinan Perdana

BH-24/6/2016

Kuala Lumpur: Pemuda UMNO mendesak kerajaan menghentikan bantuan kewangan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana dengan serta-merta.

Naib Ketua, Khairul Azwan Harun, berkata ia termasuk bantuan penggajian kepada 22 kakitangan sedia ada yayasan terbabit.

Katanya, Pemuda UMNO memandang serius tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memperalatkan yayasan itu sebagai antara platform menjatuhkan Kerajaan Malaysia pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

"Pemuda mengesakan tindakan Dr Mahathir memburukkan Kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri kerana bertentangan dengan Perlembagaan serta sistem demokrasi.

"Justeru, Pemuda UMNO mahukan bantuan kerajaan kepada Dr Mahathir dan Yayasan Kepimpinan Perdana dihentikan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Menara Dato' Onn di sini, semalam. Yang turut hadir, Bendahari Pemuda UMNO, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman dan Ketua Penerangannya, Jamawi Jaafar.

Hantar surat kepada PM

Khairul Azwan berkata, pihaknya menghantar surat kepada Perdana Menteri semalam bagi mendesak bantuan kewangan itu dihentikan.

Dalam perkembangan lain, Khairul Azwan mencabar Dr Mahathir supaya menyatakan pendirian beliau sebenar sama ada atas agenda peribadi atau parti.

"Jika bersama parti, sebutkan parti apa? Adakah dengan Parti Amanah Negara kerana beliau menyokong parti ini pada pilihan raya kecil lalu.

"Jika tidak mewakili mana-mana parti, adakah ia atas agenda peribadi. Maka kita serahkan kepada rakyat untuk menilainya sendiri," katanya.



Pemuda mengesakan tindakan Dr Mahathir

memburukkan Kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri kerana bertentangan dengan Perlembagaan serta sistem demokrasi. Justeru, Pemuda UMNO mahukan bantuan kerajaan kepada Dr Mahathir dan Yayasan Kepimpinan Perdana dihentikan segera"

Khairul Azwan Harun,
Naib Ketua Pemuda UMNO